

1 Pernyataan berikut menerangkan suatu bidang sub perakaunan.

Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan dalam bentuk Penyata Kewangan yang digunakan oleh pengguna dalaman dan luaran untuk membuat keputusan.

Berpandukan pernyataan di atas, apakah sub bidang perakaunan yang dimaksudkan?

- A Perakaunan Pengurusan
- B Perakaunan Kewangan
- C Pengauditan
- D Percukaian

2 Situasi berikut berkaitan dengan suatu prinsip perakaunan

Sebuah lori yang dibeli dengan harga RM65 000 pada tahun 2013 masih lagi direkodkan sebagai RM65 000 dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2018 walaupun harga pasaran lori tersebut telah susut kepada RM30 000.

Apakah prinsip perakaunan yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Ketekalan.
- B Prinsip kos.
- C Entiti berasingan.
- D Pengiktirafan hasil dan belanja.

3 Pernyataan dibawah merujuk kepada jenis entiti perniagaan

Keuntungan diagihkan kepada para anggota dalam bentuk dividen.

Apakah entiti perniagaan di atas?

- A Milikan Tunggal
- B Syarikat Berhad
- C Perkongsian
- D Koperasi

4 Antara yang berikut, manakah yang merupakan liabiliti bukan semasa sebuah perniagaan?

- A Pinjaman
- B Overdraf bank
- C Faedah atas overdraf
- D Gaji pekerja belum bayar

5 Perniagaan Perabot Jata menjual perabot bernilai RM2000 dengan harga RM2450 secara kredit kepada pelanggan. Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	<b>Aset</b>		<b>Ekuiti Pemilik</b>
	<b>Inventori</b>	<b>Akaun Belum Terima</b>	<b>Modal</b>
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

6 Apakah catatan kontra yang mengurangkan nilai Akaun Modal?

- A Akaun Ambilan
- B Akaun Pulangan Keluar
- C Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- D Akaun Susut Nilai Terkumpul Aset

7 Dokumen 1 berikut diperoleh daripada Pinky Cake House.

SALINAN		INVOIS		No.2760
PINKY CAKE HOUSE 22 JALAN RIANG GEMBIRA 81200 JOHOR BAHRU JOHOR				
Pasaraya Winner 113 Jalan Besar 81110 Kangkar Pulai Johor			21.6.2019	
No.Rujukan	Butir	Kuantiti	Hargaseu nit	Jumlah (RM)
B 221	Kekcoklat	12	RM65	780
B 343	Kekkejuoren	10	RM80	800
				1 580
Tolak :Diskaunniaga 20%				316
Jumlah				1264
<i>Ringgit:(Satu ribuduaratusenampuluhempat)</i> Syarat:5% 14 hari,3% 30 hari Serahan:Angkutandibayar K&K di K				
Siti T.T. Penerima			Nurhaliza T.T Pengurus	

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya pembayaran dibuat pada 30 Jun 2019?

- A RM 25.28
- B RM 37.92
- C RM 63.20
- D RM 79.00

- 8 Urusniaga manakah yang tidak dicatatkan dalam Jurnal Am?
- A Membeli van secara kredit
  - B Memasukkan van keluarga kedalam perniagaan
  - C Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan pejabat
  - D Memindahkan akaun hasil dan belanja ke akaun penamat
- 9 Apakah maklumat yang dicatatkan pada lajur butir dalam Jurnal Jualan?
- A Nama pemilik
  - B Nama barang niaga
  - C Nama Akaun Belum Bayar
  - D Nama Akaun Belum Terima

- 10 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					2019 Jan 7	Kedai Lai	RM	RM	RM
									500

Dokumen manakah yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Resit
  - B Invois
  - C Biltunai
  - D Slip daftar tunai
- 11 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?
- A Merekod belanja kecil
  - B Mengawal wang keluar dan masuk
  - C Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup
  - D Mencatat sebahagian penerimaan dan pembayaran tunai

12 Akaun manakah yang mempunyai baki debit?

- A Akaun Modal
- B Akaun Inventori
- C Akaun Komisen Diterima
- D Akaun Faedahatas Simpanan Tetap

13

Menerima pinjaman bank sebanyak RM 35000
--

Maklumat berikut merupakan urusanniaga yang diambil dari Kedai Runcit Amar.

Catatan manakah yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Akaun pinjaman bank	Akaun bank
B	Akaun bank	Akaun modal
C	Akaun modal	Akaun pinjaman bank
D	Akaun bank	Akaun pinjaman bank

14 Butiran manakah yang terdapat dalam akaun kawalan belum bayar.

- A Jualan
- B Hutang lapuk
- C Diskaun diterima
- D Pulangan masuk

- 15 Imbangan duga dibawah dipetik dari buku perniagaan Syarikat Syarifah

Imbangan Duga pada 30 April 2019		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan		300
Diskaun	600	

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas?

- A Pulangan Masuk RM300  
Diskaun diberi RM 600
  - B Pulangan keluar RM300  
Diskaun diterima RM600
  - C Pulangan masuk RM 300  
Diskaun diterima RM 600
  - D Pulangan keluar RM300  
Diskaun diberi RM 600
- 16 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan di bawah ini diperolehi daripada Syarikat Ayu.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018 (petikan)		
<u>Aset Semasa</u>	RM	RM
Bank	80 000	
Akaun belum terima	<u>22 000</u>	
	102 000	
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun belum bayar	<u>( 22000)</u>	
<b>Y</b>		80 000

Apakah butir Y?

- A Modal akhir
- B Modal kerja
- C Modal tambahan
- D Aset Semasa bersih

17 Antara yang berikut, yang manakah yang direkodkan di sebelah debit Akaun Untung Rugi?

- I Gaji
- II Sewa diterima
- III Kadar bayaran
- IV Faedah atas simpanan tetap

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

18 Maklumat yang berikut diambil daripada buku seorang peniaga pada 31 Disember 2018.

	RM
Komisen belum terperoleh pada 1 Januari 2018	420
Komisen belum terperoleh pada 31 Disember 2018	660
Komisen yang diterima sepanjang tahun 2018	3 280

Hitung komisen diterima yang akan dipindahkan ke akaun untung rugi?

- A RM4 360
- B RM3 040
- C RM2 200
- D RM3 280

19 Hutang lapuk terpulih ialah

- I Hutang lapuk yang dihapus kira
- II Hutang lapuk yang dapat dikutip semula
- III Belanja bagi perniagaan
- IV Hasil bagi perniagaan

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

20 Pada 1 Januari 2014, Najwa membeli sebuah lori untuk dijadikan 'Food Truck' berharga RM55,000. Kegunaan kenderaan ini dijangka selama 5 tahun dengan nilai skrap sebanyak RM5,000. Berapakah jumlah susutnilai pada tahun 2019 jika tempoh perakaunan 31 Disember setiap tahun?

- A RM10 000
- B RM11 000
- C RM12 000
- D RM13 000



- 21 Puan Latifah membeli sebuah mesin pada 1 Januari 2010 dengan menggunakan 10% susut nilai kaedah garis lurus. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun. Berikut merupakan petikan Akaun Pelupusan tersebut.

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	Jumlah RM	Tarikh	Butir	Jumlah RM
2018 Dis. 31	Kenderaan	57000	2018 Nov. 30	Susut nilai terkumpul Bank	? 5000

Apakah kesan pelupusan sekiranya Latifah dapat menjual lori tersebut pada 30 November 2018?

- A Rugi atas pelupusan RM700
  - B Untung atas pelupusan RM700
  - C Rugi atas pelupusan RM1175
  - D Untung atas pelupusan RM1175
- 22 Antara berikut, yang manakah bukan kesilapan tidak ketara?
- A Kesilapan prinsip
  - B Kesilapan komisen
  - C Kesilapan songsang
  - D Kesilapan pada lejar

23 Maklumat berikut ialah baki-baki buku Syarikat Mawar pada 31 Mac 2018.

	<b>RM</b>
Perabot	31 500
Akaun Belum Terima	43 050
Akaun Belum Bayar	42 000
Bank (overdraf)	21 000
Inventori akhir	51 450

Berapakah nisbah semasa perniagaan itu pada tarikh tersebut?

- A 1.5: 1
  - B 2:1
  - C 1: 1.5
  - D 1: 2
- 24 Jualan kredit sebanyak RM650 telah direkodkan sebagai RM560 dalam kedua-dua akaun. Apakah kesan kesilapan tersebut terhadap untung bersih?
- A Tiada kesan
  - B Untung bersih berkurang RM90
  - C Untung bersih bertambah RM90
  - D Untung bersih berkurang RM180
- 25 Situasi rekod tak lengkap dalam sesebuah perniagaan akan berlaku jika perniagaan tersebut berada dalam keadaan?
- A Tiada kawalan tunai dilakukan dalam perniagaan
  - B Imbangan duga yang disediakan tidak seimbang
  - C Perbelanjaan dalam sesebuah perniagaan tidak dirancang dengan betul
  - D Rekod-rekod akaun telah hilang atau musnah

- 26 Encik Sulaiman adalah seorang peruncit yang mengamalkan rekod tak lengkap. Pada 1 Ogos 2018, modal perniagaannya berjumlah RM150 000 dan beliau membawa masuk kenderaan terpakai bernilai RM20 000 ke dalam perniagaan pada 1 Januari 2019. Maklumat yang berikut diambil daripada buku perakaunan bagi tahun berakhir 31 Julai 2019.

	RM
Jumlah Aset	243 000
Jumlah Liabiliti	21 000
Ambilan	12 000

Berapakah untung atau rugi perniagaan tersebut?

- A Rugi bersih RM64 000
  - B Rugi bersih RM84 000
  - C Untung bersih RM64 000
  - D Untung bersih RM84 000
- 27 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Puan Azlina yang menyimpan rekod secara tidak lengkap bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019.

	RM
Baki akaun belum terima pada 1 Julai 2018	20 560
Baki akaun belum terima pada 30 Jun 2019	21 400
Jualan tunai	42 800
Bayaran oleh pelanggan	260 220
Diskaun diberi	14 100
Pulangan jualan	8 160

Berapakah jumlah jualan dalam Akaun Perdagangan PuanAzlina bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

- A RM326 120
- B RM418 120
- C RM283 320
- D RM387 120

28 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- B Menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
- D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Damia.

Perniagaan Damia ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2019. Jualan dianggarkan berjumlah RM30 000 setiap bulan dimana 20% daripadanya diberi tempoh sebulan kredit.

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan Februari?

- A RM6 000
- B RM18 000
- C RM24 000
- D RM30 000

30 Antara berikut, yang manakah terkandung dalam Akta Perkongsian 1961?

- I Untung rugi dibahagi sama rata antara rakan kongsi
- II Semua pekongsi tidak berhak menerima gaji
- III Jumlah modal yang disumbangkan oleh rakan kongsi
- IV Faedah atas ambilan adalah 8%

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 31 Tujuan penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi adalah untuk
- A Menentukan untung kasar atau rugi kasar
  - B Menghitung untung bersih atau rugi bersih
  - C Menunjukkan kedudukan kewangan perkongsian
  - D Menghitung pembahagian untung atau rugi pekongsi

- 32 Maklumat berikut diperolehi daripada buku sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	55 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM 50 000. Belanja realisasi RM750 manakala liability dijelaskan sepenuhnya dan menerima diskaun RM400.

Kirakan rugi realisasi.

- A RM 5 750
  - B RM5 350
  - C RM5 000
  - D RM4 600
- 33 Yang manakah tidak berkaitan dengan Syarikat Awam Berhad?
- A Bilangan maksimum pemegang syer tiada had
  - B Syer diniagakan secara bebas di Bursa Malaysia
  - C Penyata kewangan syarikat tidak perlu disiarkan dalam akhbar
  - D Bilangan pengarah minimum dua orang

- 34 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara syer biasa dengan syer keutamaan.

Perbezaan manakah yang betul?

	<b>Syer Biasa</b>	<b>Syer Keutamaan</b>
I	Kadar dividen tetap	Kadar dividen tidak tetap
II	Menerima dividen selepas diberikan dividen kepada pemegang syer keutamaan	Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang syer biasa
III	Berhak mendapat tunggakan dividen	Tidak berhak mendapat tunggakan dividen
IV	Berhak mengundi	Tidak berhak mengundi

- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 35 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang kelab dan persatuan?
- A Organisasi yang berorientasikan untung  
B Merupakan sebuah entity perniagaan  
C Menghasilkan produk untuk dijual dengan harga tinggi  
D Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada ahli

- 36 Berikut ialah Akaun Yuran Kelab Zumba Taman Saujana Indah bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

Akaun Yuran			
	RM		RM
Baki b/b	360	Bank	9 180
Pendapatan dan Perbelanjaan	?	Baki h/b	180
	9 360		9 360

Berapakah jumlah penerimaan yuran bagi tempoh perakaunan di atas?

- A RM180
  - B RM360
  - C RM9 180
  - D RM9 000
- 37 Akaun berikut diperoleh daripada buku Kelab Badminton Seri Mutiara.  
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	RM		RM
Belanja air dan elektrik	1 250	Yuran ahli	2 600
Belanja membaiki	2 500	Untung minuman	1 240
Gaji	3 000	<b>M</b>	2 910
	6 750		6 750

Apakah **M**?

- A Lebihan
- B Kurangan
- C Rugi bersih
- D Untung bersih

- 38 Maklumat berikut di peroleh daripada buku Kelab Remaja Taman Selamat Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018

	RM	RM
<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>		
Perabot	25,000	
Lengkapan	7,800	
	<hr/>	32,800
<b><u>Aset Semasa</u></b>		
Inventori	6,400	
Bank	10,800	
Tunai	700	
	<hr/>	
	17,900	
<b><u>Liabiliti Semasa</u></b>		
Akaun Belum Bayar	3,500	

Berapakah dana terkumpul kelab pada 1 Januari 2019?

- A RM14,400
  - B RM14,900
  - C RM47,200
  - D RM53,400
- 39 Kilang Pakaian Fabric Sentosa Sdn Bhd membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM3,500 sebulan. Apakah perbelanjaan tersebut?
- A Kos buruh langsung
  - B Belanja langsung
  - C Kos overhead
  - D Kos prima



40 Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran biskut dahlia.

Kos berubah per unit	RM0.80
Jumlah kos tetap	RM6,000

Berapakah untung yang diperoleh jika 18 000 unit biskut dahlia dijual pada harga RM1.20 seunit

- A RM1 200
- B RM7 200
- C RM8 400
- D RM15 600